

24/05/1997

Saya yakin dengan Anwar: PM

Karim Sulaiman in London

CONVENTRY (London), Jumaat - Perdana Menteri menegaskan beliau menyerahkan tanggungjawab mentadbir negara kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim sepanjang percutian dua bulannya kerana yakin dengan kebolehan timbalannya.

"Saya yakin dengan dia (Anwar). Itulah sebabnya saya lantik dia menjadi Pemangku Perdana Menteri sepanjang saya bercuti," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis ramah mesra dengan pelajar Malaysia di Universiti Warwick di sini, semalam.

Beliau menyentuh perkara itu apabila bercerita pengalamannya ketika menjadi Menteri Pendidikan yang menghadapi pelbagai masalah pelajar.

Mengimbas satu peristiwa, katanya, ketika menjejaki tangga dewan untuk merasmikan satu majlis, beliau ditahan oleh sekumpulan pelajar.

"Kita sudah menahan mereka, termasuk seorang yang sekarang menjadi timbalan saya (Anwar)," katanya disambut ketawa kira-kira 400 pelajar yang boleh menampung 300 pelajar.

Dr Mahathir berkata, keadaan sudah berubah kerana pelajar tidak menghadapi banyak masalah dan mampu belajar dengan selesa.

"Pelajar kita bertuah kerana dapat belajar di luar negara. Kamu perlu menggunakan peluang ini dengan baik dan pulang ke tanah air dan bekerja untuk rakyat serta negara," katanya.

Perdana Menteri turut mencuit hati hadirin ketika menjawab soalan mengenai keputusan kerajaan tidak mengenakan tapisan maklumat kepada syarikat yang beroperasi di Jaluran Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurutnya, dengan perkembangan teknologi telekomunikasi, orang ramai boleh menerima maklumat dari seluruh dunia dengan pelbagai cara.

Katanya, ada pihak mencari jalan menapis maklumat, termasuk memadamkan segala maklumat yang ada kaitan dengan perkataan seks.

"Dalam hal ini, kita mungkin tidak akan mendengar atau mendapat maklumat mengenai Middlesex, Sussex (dua tempat di Britain) dan sebagainya," katanya menyebabkan hadirin tidak kering gusi.

(END)